

03 MAR 2003

JASA TUNKU KEPADA NEGARA TIDAK DAPAT DIBAYAR DENGAN WANG RINGGIT

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata jasa Perdana Menteri Pertama serta Bapa Kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj kepada negara dan rakyat tidak dapat dibayar dengan wang ringgit.

Dalam perutusannya sempena pengeluaran Setem dan Sampul Surat Hari Pertama Bapa Kemerdekaan pada hari ini, Dr Mahathir berkata karisma, kepercayaan serta kesungguhan Tunku telah berjaya meletakkan asas pembangunan untuk negara dan kemajuan rakyat keseluruhannya.

"Dengan sifat kepimpinan toleran, Tunku telah berjaya menyatukan rakyat pelbagai kaum, budaya dan agama di negara ini dengan merealisasikan konsep muhibbah yang dinikmati rahmatnya hingga kini. Untuk ini tepat sekali Tunku juga adalah Bapa Perpaduan yang ulung di negara ini," katanya dalam perutusan itu.

Salinan perutusan telah difakskan kepada Bernama oleh Pos Malaysia.

Dr Mahathir menyeru semua lapisan masyarakat di Malaysia mendapatkan dan menyimpan koleksi Setem dan Sampul Surat Hari Pertama Bapa Kemerdekaan ini sebagai tanda menghargai jasa-jasanya.

-- BERNAMA

AT AHH ZB